

**TAHAP MOTIVASI PELAJAR LELAKI MEMILIH PROGRAM
PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI
SWASTA**

**Tengku Nur Atirah Tengku Mohd Khairi¹
Zuriani Hanim Zaini²
Mohamad Nor Hakim Mohd Ali²
Mohamad Irman Che Pa²
Kolej FELCRA¹
Kolej Universiti Islam Melaka²**

Corresponding Author's Email: tengkuatirah@kolejfelcra.edu.my

Article History:

*Received : 4 October 2021
Accepted : 20 October 2021
Published : 30 December 2021*

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang dilakukan bagi mengenalpasti tahap motivasi pelajar lelaki memilih program Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK) di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Kajian ini melibatkan 45 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar lelaki yang sedang mengikuti program PAKK di beberapa buah IPTS yang terpilih. Mereka dikehendaki menjawab soal selidik mengenai faktor motivasi yang dikategorikan kepada tiga faktor utama iaitu altruistik, intrinsik, dan ekstrinsik. Dapatan kajian telah dianalisis menggunakan 'IBM Stattical Package for the Social Science' (SPSS) versi 22.0. Hasil kajian menunjukkan faktor motivasi utama pemilihan Program PAKK di IPTS adalah disebabkan faktor motivasi altruistik dengan nilai min sebanyak 5.66 kemudian diikuti dengan motivasi intrinsik dengan nilai min sebanyak 5.24. Faktor ekstrinsik merupakan faktor yang terakhir dengan nilai min 5.04. Beberapa cadangan dikemukakan berdasarkan hasil kajian. Justeru secara rumusannya dapat dinyatakan bahawa faktor motivasi ini menjadi pemangkin kepada pemilihan program dalam kalangan pelajar lelaki

Kata kunci: Tahap motivasi, Pelajar Lelaki, Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Institut Pengajian Tinggi Swasta, Altruistik, Intrinsik, Ektrinsik

MOTIVATION LEVEL OF MALE STUDENTS CHOOSING EARLY CHILDHOOD EDUCATION PROGRAMS IN PRIVATE INSTITUTES OF HIGHER LEARNING

ABSTRACT

This is a survey study conducted to identify the motivational level of male students to choose the Early Childhood Education program at Private Higher Education Institutes. This study involved 45 respondents consisting of male students who are following the PAKK program in several selected IPTS. They were required to answer a questionnaire on motivational factors which were categorized into three main factors namely altruistic, intrinsic, and extrinsic. The findings of the study were analyzed using 'IBM Statistical Package for the Social Science' (SPSS) version 22.0. The results showed that the main motivating factor for the selection of PAKK Program in IPTS is due to altruistic motivation factor with a mean value of 5.66 then followed by intrinsic motivation with a mean value of 5.24. Extrinsic factor is the last factor with a mean value of 5.04. Several recommendations are made based on the results of the study. Thus, in summary, it can be stated that this motivational factor is the catalyst for program selection among male students.

Keywords: *Motivational Level, Male Students, Early Childhood Education Program, Private Higher Education Institutes, Altruistic, Intrinsic, Extrinsic*

PENGENALAN

Profesion pengurusan merupakan profesion yang menjadi pemacu kepada pembangunan modal insan. Norhasni (2014) dalam Aslina Ahmad, Noraini Ismail dan Faizura Rohaizad (2019) menyatakan bahawa pembangunan modal insan ialah proses pembangunan sumber manusia yang mampu menyumbang secara aktif kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Justeru, guru yang baik itu adalah merupakan guru yang mempunyai sifat-sifat dan ciri-ciri sahsiah yang positif. (Aslina Ahmad, Noraini Ismail dan Faizura Rohaizad, 2019). Pemilihan kerjaya sebagai guru dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak kini telah membuka ruang dan peluang kepada para pelajar dalam menceburi bidang ini sekaligus menjadi pemangkin kepada pembentukan modal insan yang berketerampilan. Pemilihan program pengajian di peringkat pengajian tinggi turut mempengaruhi kemenjadian dan keterampilan para graduan setelah tamat pengajian.

Namun demikian, trend yang dapat dilihat dalam profesion perguruan ini adalah ianya lebih banyak didominasi oleh golongan wanita berbanding golongan lelaki. Christina Andin @ Qistina & Fredelis (2015), telah mendapati terdapat dua faktor yang mempengaruhi faktor pemilihan profesion perguruan iaitu ciri-ciri kerjaya guru dan faktor persekitaran yang menyebabkan kurangnya golongan lelaki memilih perguruan sebagai kerjaya. Kebanyakan kaum lelaki yang menceburi bidang awal kanak-kanak tidak kekal lama kerana disebabkan oleh faktor gaji yang rendah, pandangan masyarakat mengenai aspek kekelakuan dan kewanitaan, mengajar adalah pekerjaan yang berstatus rendah, bidang yang didominasi oleh kaum wanita sejak dahulu lagi dan stigma rakan sekerja mengenai kebolehan guru lelaki bekerja dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Zhang, 2017).

Jika masalah kekurangan guru lelaki di peringkat Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK) terus berlaku, ianya dapat memberi impak terutamanya kepada kanak-kanak lelaki dalam membentuk ciri-ciri dan peranan sebagai seorang lelaki. Hal ini kerana, menurut Su (2017), kanak-kanak lelaki menjadi semakin 'keperempuanan' dan kurang ciri-ciri maskulin yang sepatutnya ada dalam diri lelaki seperti sifat berani, bertanggungjawab dan aktif. Dengan adanya penglibatan guru lelaki di peringkat awal kanak-kanak dapat membentuk ciri-ciri maskulin dalam diri kanak-kanak lelaki (Cao dan Wu, 2016). Ini adalah kerana Sumsion (2005) dalam Ignitus (2016) menyatakan guru lelaki dapat memberikan tindak

balas yang lebih baik terhadap kanak-kanak lelaki kerana mereka mempunyai minat, kefahaman dan pengalaman yang sama sebagai lelaki. Su (2017) juga turut percaya bahawa guru lelaki juga sebenarnya boleh menunjukkan kasih sayang dan sikap sensitif terhadap keperluan pembelajaran serta fizikal kanak-kanak sepertimana guru perempuan.

Oleh itu dengan kehadiran lebih ramai guru lelaki dalam bidang ini secara tidak langsung dapat memberikan manfaat kepada masyarakat. Justeru dapat menolak andaian tradisional mengenai peranan jantina dan tanggungjawab dalam industri yang dipelopori oleh kaum wanita seterusnya juga dapat mengimbangi ketiadaan peranan lelaki dalam institusi kekeluargaan bagi sebahagian kanak-kanak yang ketiadaan ayah (Harty, 2010). Objektif kajian adalah seperti berikut:

- (i) Mengetahui tahap motivasi altruistik pelajar-pelajar lelaki memilih program Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).
- (ii) Mengetahui tahap motivasi intrinsik pelajar-pelajar lelaki memilih program Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).
- (iii) Mengetahui tahap motivasi ekstrinsik pelajar-pelajar lelaki memilih program Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

KAJIAN LITERATUR

Pembangunan kerjaya adalah suatu proses sepanjang hayat yang perlu diberikan perhatian yang teliti dan perlu dirancang dengan sebaiknya. Menurut kajian-kajian lepas, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya seseorang individu namun ianya menjurus kepada tiga faktor utama yang dirangkumkan dari pelbagai aspek. Bagi kajian ini faktor-faktor tersebut ialah faktor intrinsik, altruistik dan ekstrinsik.

Kajian oleh Ulrika et.al. (2017) menyatakan bahawa faktor altruistik dan intrinsik juga menyumbang kepada pemilihan kerjaya seseorang. Pengkaji telah menjalankan kajian mengenai persepsi dalam profesion perguruan dan motif pemilihan kerjaya. Responden diminta untuk menulis perkongsian mereka mengenai mengapa mereka mahu menjadi guru, bagaimana pandangan atau pendapat mereka mengenai profesion perguruan dan adakah seseorang yang memberikan inspirasi kepada mereka dalam pemilihan kerjaya. Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar mempunyai pelbagai motif untuk memasuki bidang pendidikan. Motivasi intrinsik dan altruistik adalah pendorong utama dalam pemilihan kerjaya dalam bidang pendidikan. Walaupun begitu, faktor motivasi ekstrinsik juga kelihatan tetapi tidak begitu ketara.

Keck Frei et. al. (2017) mendapati faktor pelajar lelaki membuat keputusan untuk memilih profesion perguruan sebagai kerjaya adalah kerana faktor intrinsik iaitu kerana mereka minat untuk bekerja dengan kanak-kanak, mempunyai masa terluang yang lebih banyak dan mempunyai pengalaman bekerja dengan kanak-kanak. Kajian mereka ini dijalankan kepada 85 orang pelajar lelaki sekolah menengah yang berminat dalam perguruan dan akan menyambung pengajian ke peringkat tinggi di Switzerland dimana kajian ini bertujuan untuk lebih memahami keputusan pelajar-pelajar lelaki tersebut memilih profesion perguruan sebagai pilihan kerjaya mereka.

Kajian oleh Tokic (2018) mengatakan bahawa sememangnya faktor intrinsik menjadi faktor pendorong dalam memilih kerjaya. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti motivasi pelajar lelaki dalam profesion guru prasekolah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dimana temubual dijalankan ke atas semua pelajar lelaki prasekolah yang sedang mengikuti pengajian di Osijek dan Slavonski Brod. Hasil kajian menunjukkan pelajar mempunyai motivasi dalaman dan melihat profesion perguruan ini sebagai suatu bidang yang menarik minat mereka.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan dan analisis deskriptif. Soal selidik kajian telah diadaptasi daripada model *Factors Influencing Teaching Choice (FIT-Choice)* yang dibina oleh Richardson dan Watt (2007) bagi mengenalpasti motivasi dan pengalaman untuk guru-guru baru. Oleh itu soal selidik kajian ini telah diubah suai dari segi struktur ayat supaya bersesuaian bagi mendapatkan faktor motivasi yang mempengaruhi pelajar-pelajar lelaki di IPTS memilih program PAKK di sebagai pilihan kursus di peringkat pengajian tinggi. Borang soal selidik yang digunakan ini bertujuan untuk mengumpul segala maklumat mengenai latar belakang responden, serta faktor-faktor motivasi altruistik, intrinsik dan ekstrinsik yang mendorong dalam pemilihan program Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Kaedah pemilihan responden yang digunakan oleh pengkaji adalah menggunakan teknik pensampelan rawak bertujuan dimana responden dipilih dengan tujuan tertentu. Pengkaji telah menggunakan jadual Krejcie & Morgan (1970), iaitu responden yang digunakan adalah berdasarkan tahap kebolehppercayaan 95%. Seramai 44 orang sampel telah terlibat dalam kajian ini. Oleh itu, kajian ini telah dijalankan di beberapa buah IPTS di Malaysia. Jadual menunjukkan IPTS yang terlibat dalam kajian ini serta bilangan responden iaitu pelajar lelaki di IPTS tersebut.

Jadual 1 Bilangan responden kajian

Negeri	IPTS	Bilangan Pelajar Lelaki PAKK
Perak	Kolej FELCRA	5 orang
Selangor	Kolej Teknologi Cybernatic	4 orang
Kelantan	Kolej Poly Tech Mara	10 orang
Melaka	Kolej Universiti Islam Melaka	10 orang
Pahang	Kolej Universiti Yayasan Pahang	10 orang
Kuala Lumpur	Kolej Perkembangan Awal Kanak-Kanak	5 orang

Seterusnya menurut Best dan Khan (1988), kajian rintis digunakan untuk mendapatkan darjah kebolehppercayaan dalam mengukur ketepatan dan ketekalan instrumen. Kenyataan beliau disokong oleh Mohd Najib (1998) dengan menyatakan kesahan merujuk kepada keupayaan instrumen penyelidikan mengukur kajian dengan cepat. Untuk ujian kebolehppercayaan, seramai 10 orang pelajar telah dipilih untuk menjalani ujian rintis bagi kajian ini. Kesemua pelajar tersebut terdiri daripada pelajar tahun akhir program Sijil dan Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kolej FELCRA. Daripada kajian rintis tersebut beberapa pembetulan dibuat sekiranya perlu terhadap item bagi memantapkan soalan, Daripada kajian yang dijalankan, didapati nilai alpha yang diperolehi adalah 0.81. Menurut Lim (2007), nilai pekali Alpha Cronbrach (α) melebihi 0.8 menunjukkan instrumen kajian mempunyai nilai kebolehppercayaan yang baik dan tidak perlu ditukar.

Prosedur pengumpulan data menggunakan borang soal selidik yang diberikan kepada responden persampelan rawak bertujuan iaitu seramai 44 orang pelajar lelaki yang sedang mengikuti program Pendidikan Awal Kanak-Kanak di beberapa buah Institut Pengajian Tinggi Swasta. Pengkaji telah mengedarkan soal selidik kepada pelajar lelaki di Kolej FELCRA sahaja memandangkan pengkaji bekerja di IPTS tersebut. Manakala bagi IPTS yang lain pengkaji telah menggunakan kaedah tinjauan elektronik. Kemudian program komputer SPSS (*Statistical Package for Social Science*) Versi 22.0 digunakan bagi memproses data deskriptif dan min. Bagi kajian ini, rujukan skor min yang dikemukakan oleh Pruchnic et al. (2018) seperti yang berikut:

Jadual 2 Tafsiran Skor Min

Tahap	Tafsiran Skor Min
Tinggi	4.50-6.00
Sederhana	2.50-4.49
Rendah	0.00-2.49

DAPATAN KAJIAN

Tahap Motivasi Altruistik Pelajar Lelaki Memilih Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak Di IPTS

Jadual berikut menunjukkan analisa faktor motivasi altruistik pelajar lelaki memilih program Pendidikan Awal Kanak-kanak di IPTS. Sebanyak enam item soalan telah dianalisis bagi menjawab persoalan kajian pertama. Faktor motivasi altruistik ini merangkumi dua konstruk iaitu “melakukan sumbangan sosial” dengan nilai min 5.66 dan diikuti konstruk “membentuk masa hadapan kanak-kanak” dengan nilai min 5.65. Keseluruhannya kedua-dua konstruk ini menunjukkan faktor motivasi altruistik responden kajian adalah berada di tahap tinggi.

Jadual 3 Nilai Min Konstruk Altruistik

Konstruk	Item	Nilai Min Setiap Item	Min Konstruk
Membentuk masa hadapan kanak-kanak	Mengajar membenarkan saya untuk membentuk nilai murni kanak-kanak	5.67	5.65
	Mengajar membenarkan saya untuk mempengaruhi generasi akan datang.	5.55	
	Mengajar dapat membenarkan saya untuk meninggalkan kesan baik kepada kanak-kanak	5.75	
Melakukan sumbangan sosial	Mengajar adalah satu sumbangan sosial yang berbaloi	5.75	5.66
	Mengajar membolehkan saya memberi sesuatu bermanfaat kepada masyarakat	5.75	
	Mengajar membolehkan saya memberi perkhidmatan kepada masyarakat	5.68	

Tahap Motivasi Intrinsik Pelajar Lelaki Memilih Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak Di IPTS

Jadual berikut menunjukkan analisa faktor motivasi intrinsik yang mempengaruhi pelajar lelaki memilih program Pendidikan Awal Kanak-kanak di IPTS. Sebanyak 9 soalan telah dianalisis untuk menjawab persoalan kedua kajian. Faktor motivasi intrinsik merangkumi tiga konstruk. Nilai min konstruk bagi “niai kerjaya dalaman” iaitu 5.41, nilai min konstruk “bekerja dengan kanak-kanak’ iaitu 5.18 dan yang terakhir adalah konstruk “kebolehan” dengan nilai min 5.14. secara keseluruhannya kesemua konstruk dalam faktor motivasi intrinsik responden berada di tahap tinggi.

Jadual 4 Nilai Min Motivasi Intrinsik

Konstruk	Item	Nilai Min Setiap Item	Min Konstruk
Kebolehan	Saya mempunyai kemahiran mengajar yang bagus	5.08	5.14
	Mengajar adalah pekerjaan yang sesuai dengan kebolehan saya	5.20	
	Saya ada ciri-ciri untuk menjadi seorang guru yang bagus	5.15	
Bekerja dengan kanak-kanak	Saya ingin bekerja di persekitaran berpusatkan kanak-kanak	5.20	5.18
	Saya mahukan pekerjaan yang melibatkan bekerja dengan kanak-kanak	5.11	
	Saya suka bekerja dengan kanak-kanak	5.24	
Nilai kerjaya dalaman	Saya sememangnya ingin menjadi seorang guru	5.28	5.41
	Saya suka mengajar	5.46	
	Saya berminat untuk mengajar	5.48	
			5.24

Tahap Motivasi Ekstrinsik Pelajar Lelaki Memilih Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak Di IPTS

Jadual berikut menunjukkan analisa faktor motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi pelajar lelaki memilih program Pendidikan Awal Kanak-kanak di IPTS. Sebanyak 19 soalan telah dianalisis untuk menjawab persoalan ketiga kajian. Faktor motivasi ekstrinsik merangkumi enam konstruk. Dapatan kajian menunjukkan konstruk paling tertinggi bagi faktor motivasi ekstrinsik adalah “pengalaman pembelajaran dan pengajaran lepas” dengan nilai min 5.41 diikuti dengan kostruk “pengaruh sosial’ dengan nilai min 5.29. Seterusnya konstruk ketiga tertinggi adalah “kebolehpindahan kerja” dengan nilai min 5.21 dan diikuti dengan nilai min 5.18 iaitu “pekerjaan terjamin”. Seterusnya dua konstruk terakhir bagi faktor ekstrinsik adalah “masa untuk keluarga” dengan nilai min 4.92 dan “*fallback career*” dengan nilai min 4.23.

Jadual 5 Nilai Min Motivasi Ekstrinsik

Konstruk	Item	Nilai Min Setiap Item	Min Konstruk
Pengalaman pengajaran dan pembelajaran lepas	Saya mempunyai guru yang bagus sebagai role model	5.42	5.41
	Saya mempunyai guru yang berinspirasi	5.46	
	Saya mempunyai pengalaman pembelajaran yang positif	5.35	
Pekerjaan terjamin	Mengajar akan menyediakan saya pendapatan yang kukuh	5.08	5.18
	Mengajar adalah pekerjaan yang selamat	5.20	
	Mengajar menawarkan laluan kerjaya yang baik	5.26	
Pengaruh sosial	Rakan-rakan saya fikir saya harus menjadi guru	5.17	5.29
	Keluarga saya fikir saya harus menjadi guru	5.40	
	Orang yang pernah kenal fikir rasa saya harus menjadi guru	5.31	
Kebolehpindahan kerja	Mengajar akan menjadi pekerjaan yang berguna bagi saya untuk merantau	5.37	5.21
	Mengajar akan membenarkan saya untuk memilih dimana saya ingin tinggal	5.11	
	Kelayakan sebagai guru diiktiraf dimana-mana sahaja	5.15	
Masa untuk keluarga	Sebagai guru saya akan mempunyai waktu bekerja yang singkat	4.75	4.92
	Sebagai guru saya akan mempunyai waktu cuti yang panjang	4.77	
	Menjadi guru sambil membolehkan meluangkan masa lebih banyak dengan keluarga	4.71	
	Cuti sekolah sesuai dengan komitmen keluarga saya	5.13	
	Jam pengajaran akan sesuai dengan tanggungjawab orang berkeluarga	5.24	
Fallback career	Saya memilih mengajar sebagai kerjaya pilihan terakhir	4.22	4.23
	Saya tidak diterima memasuki program pilihan	4.37	
			5.04

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Faktor motivasi yang paling dominan dalam menentukan pemilihan program oleh pelajar lelaki dalam kajian ini adalah faktor motivasi altruistik dengan konstruk tertinggi iaitu melakukan sumbangan sosial. Dapatan ini menunjukkan memberi bantuan kepada orang lain yang boleh membantu kebajikan masyarakat merupakan faktor pendorong bagi pelajar-pelajar ini untuk menceburi bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Hasil dapatan mendapati bahawa responden mempunyai pandangan yang baik dalam menterjemahkan kepercayaan mereka terhadap profesion perguruan di mana rata-rata responden bersetuju bahawa mereka dapat meninggalkan kesan yang baik kepada kanak-kanak serta dapat menyumbang sesuatu yang bermanfaat kepada masyarakat. Ini sejajar dengan peranan dan tanggungjawab seorang guru yang memerlukan mereka menunjukkan sahsiah yang baik sepertimana yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu perkembangan sahsiah adalah salah satu elemen wajib dalam mendidik murid. Noornajihan dan Ab. Halim Tamuri (2013) menegaskan bahawa kegagalan sesebuah institusi, organisasi, bangsa, negara mahupun tamadun adalah disebabkan oleh faktor sahsiah individu yang telah rosak.

Selain itu, responden juga bersetuju bahawa motivasi intrinsik menjadi pendorong kepada pemilihan program pengajian. Ini adalah kerana faktor pemilihan program dalam kalangan pelajar boleh dipengaruhi oleh minat, pendedahan pada peringkat awal, pengaruh ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, kerjaya dan promosi. Oleh sebab itu, proses penyesuaian guru adalah dikaitkan dengan faktor minat yang mana ianya merupakan penggerak dalam diri guru untuk memberikan kualiti yang terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran kerana mereka lebih menjiwai watak seorang guru (Aslina, Noraini dan Faizura, 2018).

Seterusnya, Faktor motivasi ekstrinsik juga telah memperlihatkan konstruk pengalaman pengajaran dan pembelajaran lepas sebagai nilai min tertinggi berbanding konstruk yang lain. Ini menunjukkan responden bersetuju bahawa bakal-bakal guru ini mendapat inspirasi dan pengalaman yang positif daripada guru-guru mereka sebelum ini. Hal ini menunjukkan bahawa golongan pelajar lelaki ini terdorong memilih bidang perguruan ini adalah berdasarkan pengalaman dan juga pengaruh persekitaran mereka. Secara keseluruhannya, Majoriti responden kajian iaitu pelajar lelaki yang sedang mengikuti pengajian bagi program PAKK di institusi pengajian tinggi masing-masing bersetuju bahawa pemilihan mereka untuk menceburi bidang perguruan adalah kerana mereka ingin memberikan sumbangan sosial kepada masyarakat secara umumnya.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini dianggap perlu bagi memastikan calon guru dalam profesion perguruan atau program pendidikan mempunyai alasan yang kukuh dan tepat untuk pilihan mereka. Sekaligus bagi memastikan orang yang betul berada dalam profesion perguruan agar mutu pengajaran dapat ditingkatkan kerana matlamat asas pendidikan adalah untuk melengkapkan pelajar dengan segera pengetahuan, sikap, dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam kehidupan. Dengan adanya guru yang berkualiti maka dapatlah mencapai salah satu elemen dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 -2025 iaitu untuk meningkatkan enrolmen dan menambah baik kualiti prasekolah di Malaysia baik swasta mahupun prasekolah kerajaan. Malah, maklumbalas yang telah diberikan oleh responden kajian ini diharap akan membantu pihak pengurusan institusi pengajian tinggi yang berkaitan bagi menambah baik sistem pengurusan organisasi pendidikan demi kelangsungan masa depan pendidikan di negara kita.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad, A., Ismail, N., & Rohaizad, F. (2018). Teori dan praktis. Pembangunan Sahsia Guru.
- Atkinson, J. W. (1957). Motivational determinants of risk-taking behavior. *Psychological review*, 64(6p1), 359.
- Best, John, W & Khan, Janes. V (1993) *Research in Education USA*: Simon and Schuster.Inc
- Cao, K., and X. Wu. (2016). Current situations, reasons, and corresponding solutions on the lack of prospective male kindergarten teachers. *Childhood Education Research Journal*, 27(1), 68-80,
- Eccles, J. (1983). Expectancies, values and academic behaviors. *Achievement and achievement motives*.
- Ghafar, M. N. A. (2000). *Penyelidikan pendidikan*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Harty, A. (2010). An exploration of the influence male childcare workers have when working with children.
- Ignatus, M.M.(2016). Determination of Male Students' Enrolment for Early Childhood Education Training in Kenya. A Case of Kenyatta University, [Unpublished Master thesis]. Kenyatta University.
- Keck Frei, A., Berweger, S., & Bieri Buschor, C. (2017). Men considering (and choosing) teaching as a career: what accounts for their decision to become a teacher?. *European Journal of Teacher Education*, 40(4), 535-549.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Lim, C. H. (2007). *Penyelidikan pendidikan: Pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. McGraw-Hill Education.
- Nesje, K., Brandmo, C., & Berger, J. L. (2018). Motivation to become a teacher: A Norwegian validation of the factors influencing teaching choice scale. *Scandinavian Journal of Educational Research*, 62(6), 813-831.
- Richardson, P. W., & Watt, H. M. (2006). Who chooses teaching and why? Profiling characteristics and motivations across three Australian universities. *Asia-Pacific Journal of Teacher Education*, 34(1), 27-56.
- Sharif, T., Hossan, C. G., & McMinn, M. (2014). Motivation and determination of intention to become teacher: A case of B. Ed. students in UAE. *International Journal of Business and Management*, 9(5), 60.
- Su, D. C. C. (2017). *Myths or facts about preschool and kindergarten male teachers: Perceptions from Chinese and Taiwanese parents* (Doctoral dissertation, Azusa Pacific University).
- Tokic, R. (2018). Motivation of male students for preschool teacher profession. *Open Journal for Educational Research*, 2(1).
- Bergmark, U., Lundström, S., Manderstedt, L., & Palo, A. (2018). Why become a teacher? Student teachers' perceptions of the teaching profession and motives for career choice. *European Journal of Teacher Education*, 41(3), 266-281.
- Wigfield, A., & Eccles, J. S. (2000). Expectancy-value theory of achievement motivation. *Contemporary educational psychology*, 25(1), 68-81.
- Zhang, W. (2017). Male teachers in early childhood education: Why more men? A review of the literature.